

Ruangan Belia

Meninjau Pergerakan Pemuda Pemudi Kita

Mauduk yang berharga ini, telah diucapkan melalui Radio Singapura baharu-baharu ini, oleh saudara Nong Chik Ghani, anggota sidang pengarang Jabatan Penerbitan Qalam. Ucapannya itu adalah seperti berikut –P. Q.

(Oleh: Nong Chik Ghani)

Saya mengambil kesempatan dalam ruangan pemuda pemudi kali ini meninjau gerakan pemuda pemudi kita, supaya dapat gambaran-gambaran dan dapat pula mengukur sudah sejauh mana pula pergerakan-pergerakan itu dapat memberikan baktinya pada bangsa.

Sebagai bahan peninjauan tidaklah perlu rasanya saya menganalisa satu demi satu pergerakan-pergerakan yang ada, tetapi memadai dan cukuplah rasanya kalau saya mengikuti fikiran pemuda pemudi kita sendiri, kerana mereka adalah orang-orang yang paling dapat merasakan dan paling mengetahui tentang pergerakan-pergerakannya.

Beberapa minggu yang lalu XXXX telah mengadakan satu majlis ceramah bertempat di Geylang Community Center. Fikiran yang lahir dalam ceramah itu benar-benar fikiran-fikiran pemuda pemudi sendiri, kerana tidak ada golongan lain yang hadir. Pokok perbincangan berbunyi:

Apakah Gerakan Pemuda Pemudi Hari Ini Dapat Meninggikan Bangsa Mereka.

Pokok perbincangan ini luas sekali. Ia meliputi semua daerah, semua pemuda pemudi semua bangsa di dunia dengan semua rupa corak pergerakan. Sungguhpun demikian pensyarah-pensyarah pada hari itu telah membatasi syarahan mereka hanya kepada pergerakan yang bukan bersifat politik, bangsa yang mereka maksud pula hanya bangsa Melayu dengan mempersempit daerahnya hanya di Singapura. Dengan lain perkataan pemuda pemudi kita hari itu hanya membicarakan soal mereka belaka.

Dalam perbincangan ini suara tidak yakin bahawa pergerakan pemuda pemudi hari ini dapat meninggikan bangsa, kedengaran, lebih lantang dan lebih jelas. Ketidak yakinan mereka didasarkan kepada beberapa sebab:

1. Pergerakan pemuda pemudi melalui hari ini tidak tegas dan tidak mempunyai program jangka panjang yang membina.
2. Lapangan pergerakan pemuda pemudi Melayu sempit.
3. Tenaga pergerakan pemuda pemudi Melayu terpecah kepada sekian banyak kumpulan hingga

merupakan tenaga pergerakan yang kecil dan

lemah

4. Iqtisād bangsa Melayu lemah dan kerana itu pergerakan pemuda pemudinya pun turut lemah.

Sepintas lalu ada yang akan merasa cemas mendengar pengakuan jujur pemuda pemudi tentang pergerakannya ini.

Mengenai hal ini kita tidak perlu cemas. Malahan, setelah mendengar pendapat-pendapat pemuda pemudi ini, kita harus merasa lebih yakin daripada sudah-sudah. Pemuda pemudi kita telah menyedari kelemahannya dan ini satu tanda bahawa mereka memang bijaksana dan waspada. Dengan



Sulaiman Hanif mahasiswa Universiti Malaya, yang menjadi Pengerusi Majlis Perbincangan Pemuda Pemudi, sedang memimpin majlis.

adanya kesedaran mengenai kelemahan diri ini sudah tentu akan ada langkah perbaikkan yang lebih berkesan dan membina.

Walaupun pergerakan pemuda pemudi hari ini belum dapat meninggikan bangsa disebabkan beberapa perkara sebagai yang disebut tadi, tetapi dengan adanya pergerakan-pergerakan pemuda pemudi hari ini langkah pertama ke arah kemajuan berpergerakan di kalangan pemuda pemudi sudah mulai dan kesedaran atas kepentingan berpersatuan, sebagai alat yang terpenting dalam membina bangsa, sudah tumbuh dan ini adalah model yang besar sekali untuk meninggikan bangsa dan kita boleh menggantungkan harapan pada model ini.

Sifat perbincangan dan sifat pergerakan pemuda pemudi kita yang bersifat kemelayuan ini sudah pula menimbulkan kesan lain. Dikatakan pergerakan seperti ini adalah bersifat perkauman yang berbahaya untuk satu masyarakat bangsa-bangsa seperti Singapura ini. Sebagai bandingan bahaya perkauman ini disebutkan kejadian-kejadian yang berlaku di Cyprus. Dalam hal ini kita harus berfikir dan bertanya pada diri sendiri. Kalau pergerakan pemuda pemudi kita tidak harus bersifat kemelayuan, apakah seharusnya sifat pergerakan itu?

Kalau hendak juga dikatakan pergerakan pemuda pemudi kita satu pergerakan perkauman, maka perkauman itu adalah satu perkauman yang tidak berbahaya. Dalam pergerakan yang serupa itu tidak pernah timbul rasa benci terhadap kebudayaan dan bangsa asing. Malahan jelas kelihatan tanda kehormatan dan penghargaan serta kerjasama mereka.

Kalau kita benar-benar hendak membina satu bangsa dan

kebudayaan baru daripada berbagai-bagai bangsa penduduk negeri ini, maka tiap-tiap bangsa itu harus menghidupkan kebudayaan masing-masing dengan kehidup-hidupnya, supaya dapat dijadikan ramuan dalam menciptakan kebudayaan yang dicita-citakan itu. Kerana itu perkauman yang ada pada pergerakan pemuda pemudi kita bukanlah perkauman yang berbahaya. Tetapi satu perkauman yang sihat dan yang benar-benar diperlukan. Terkecuali jika semua bangsa di negeri ini sedia menghapuskan kebudayaan masing-masing, tetapi ini satu perkara yang mustahil.

Kita ambil contoh dari sebuah negara tetangga kita di mana terdapat ratusan suku bangsa yang masing-masing mempunyai kebudayaan dan kesenian sendiri-sendiri. Iaitu negara Indonesia untuk mendirikan satu kebudayaan Indonesia sebagai penyatuan kebudayaan dan suku-suku

bangsa tidak diambil tindakan menghapuskan kebudayaan daerah-daerah, malahan kebudayaan daerah itu di perhati hingga tumbuhlah kebudayaan Indonesia sebagai sekarang ini.

Perlu disebutkan bahawa kejadian-kejadian sebagai yang berlaku di Cyprus dan juga – seperti yang berlaku di Indonesia bukanlah disebabkan perkauman, tetapi sebab keadaan politik. Pertentangan antara penjajah dengan yang dijajah, antara satu ideologi politik dengan ideologi politik lainnya.

Dalam tinjauan ini yakinlah kita bahawa pergerakan pemuda pemudi walaupun tidak selancar yang diharapkan tetapi tidak mengecewakan dan dapat dijadikan model meninggikan bangsa dan sifat perkauman yang ada bukan satu perkauman yang berbahaya tetapi satu perkauman yang sihat.



Sebahagian peserta dalam Majlis Perbincangan Pemuda Pemudi anjuran XXXX. Di antaranya kelihatan Saudari Fatimah Yasin, Pengerusi Badan Penuntut P. 4 M. dan satu-satunya wanita yang turut memberi fikiran dalam majlis itu.